

Tiga peti wang ATM dilarikan

BH 27/06/08 MIS 25

Sembilan pengawal keselamatan Wisma Tani di Putrajaya ditahan untuk siasatan

Oleh Wan Hazmir Bakar

PUTRAJAYA: Sebuah mesin ju-ruwang automatik (ATM) di Wisma Tani di sini dibuka pencuri yang melarikan tiga daripada empat peti wang yang dipercayai mengandungi ratusan ribu ringgit malam tadi.

Kejadian hanya disedari seorang pengawal keselamatan di bangunan itu apabila memulakan syif tugas pada jam tujuh malam.

Tiada kesan kumpulan dilihat pada pintu mesin itu dan alat penggeranya juga tidak berbunyi.

Seorang pengawal keselamatan lain mendakwa, alat penggera ATM itu berbunyi tidak lama selepas pegawai bank berkenaan memasukkan wang lewat petang kelmarin.

Bagaimanapun, katanya, tiada perbuatan meragukan terhadap mesin itu dilihat.

"Saya pun tak tahu apa yang berlaku selepas itu dan siapa yang mematikan alat penggera," katanya ketika ditemui di tempat kejadian.


Polis masih menyiasat kes terbaru itu, iaitu yang keempat di Lembah Klang dalam tempoh seminggu dan sehingga tengah malam tadi polis menahan sembilan pengawal keselamatan untuk siasatan.

Malam kelmarin, sekumpulan empat lelaki melarikan wang tunai RM600,000 daripada tiga ATM di premis sebuah bank di Taman Equine, Seri Kembangan, dekat sini.

Polis mengesyaki kumpulan perompak menggunakan kunci untuk membuka semua ATM berkenaan kerana tiada kesan pecah masuk.

Sabtu lalu, seorang perompak menggunakan jengkaut untuk melarikan sebuah ATM dari sebuah stesen minyak di Batu 6 1/2 Jalan Klang Lama-Puchong.

Dua hari sebelum itu, sekumpulan tujuh perompak melarikan wang tunai RM350,000 selepas memotong ATM menggunakan penunu melebur besi oxyacetylene di Wisma UniKeb, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi.



SIASAT: Anggota polis memeriksa mesin ATM yang dirompak di Wisma Tani, Putrajaya, malam tadi.